

From: UUM CORPORATE COMM.
Sent: Wednesday, November 13, 2019 12:59 PM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: Kolaborasi CUIC-SOL Kukuhkan Kerjasama Antara Industri dan UUM



UUM Corporate Comm.
Universiti Utara Malaysia

13 NOVEMBER 2019 / 16 RABIULAWAL 1441H

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Berita dan gambar oleh: CUIC

KOLABORASI CUIC-SOL KUKUHKAN KERJASAMA ANTARA INDUSTRI DAN UUM



UUM ONLINE: Menekankan aspek pengetahuan mediasi (*mediation*) dalam praktis perundangan, Pusat Kerjasama Universiti-Industri (CUIC) dan Pusat Pengajian Undang-undang (SoL) telah mengadakan program bersama Presiden Persatuan Peguam Islam Malaysia, Dato' Zainul Rijal Abu Bakar di Pusat Konvensyen, baru-baru ini.

Program tersebut adalah rentetan dari Mesyuarat Majlis Penasihat Universiti-Industri, Universiti Utara Malaysia (MPUI-UUM) yang mencadangkan untuk memberi pendedahan tentang mediasi kepada pelajar dan ahli akademik.

Melalui program ini, pelajar dan staf UUM telah didedahkan dengan pelbagai kelebihan *mediation* dalam menyelesaikan pertikaian khususnya tentang praktis *Alternative Dispute Resolution* (ADR) yang mana *mediation* merupakan sebahagian dari ADR.

Dua sesi berbeza telah diadakan melibatkan sesi syarahan tentang kepentingan *mediation* bertajuk '*When All Else Fails!: Mediation*' dan sesi petang merupakan sesi perbincangan dengan kakitangan akademik SoL.

Sesi ini juga telah memberi ruang kepada pensyarah undang-undang untuk melihat potensi mengembangkan pengetahuan dan amalan mediasi di UUM khususnya dan di Wilayah Utara umumnya.

Program yang diatur ini merupakan satu inisiatif dalam mengeratkan kerjasama antara Universiti Utara Malaysia (UUM) dengan pihak pengamal industri yang mana kerjasama ini dilihat sangat penting demi untuk memastikan yang UUM sentiasa peka dengan keperluan terkini oleh pihak industri.



 Please consider the environment before printing this e-mail



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.